

19/10/2001

PM tinjau persiapan Belanjawan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meluangkan masa meninjau persiapan terakhir penyediaan Ucapan Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, esok.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira 30 minit di tingkat 14 dan 15 Kementerian Kewangan di Jalan Duta untuk melihat kakitangan yang bertugas membuat persiapan akhir itu.

Turut mengiringi beliau ialah dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Tan Sri Samsudin Hitam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen kira-kira jam 4 petang esok. Ucapannya dijangka mengambil masa kira-kira 1 jam 45 minit.

Ucapan pembentangan belanjawan itu akan disiarkan secara langsung menerusi saluran rangkaian televisyen RTM, TV3 dan ntv7. Orang ramai juga boleh mengikuti ucapan berkenaan secara langsung menerusi laman web Perbendaharaan <http://www.treasury.gov.my>.

(END)